

Program KUTKM dedahkan teknik kemahiran belajar

Archival News | Utusan Malaysia | 28/04/2003

MELAKA 27 April _ Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) akan menganjurkan program Khidmat Pensyarah KUTKM Bersama Pelajar Sekolah Menengah Melaka di Ayer Keroh, di sini pada 2 Mei depan.

Menurut Unit Perhubungan Awam KUTKM, program selama tiga hari itu akan dirasmikan Pengurus Jawatankuasa Pendidikan negeri, Datuk Long Said manakala sesi kedua program yang diadakan pada 9 Mei pula dirasmikan Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd. Ali Rustam.

Menurutnya, penganjuran program tersebut bertujuan mendedahkan para pelajar khususnya dari Tingkatan Empat mengenai pelbagai jenis dan teknik kemahiran belajar bagi membolehkan mereka berfikir untuk menjadi pelajar cemerlang.

"Usaha ini secara tidak langsung menjadikan para pensyarah KUTKM sebagai duta kecil, dalam usaha memperkenalkan dan mempopularkan KUTKM di kalangan masyarakat, '' katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Katanya, para pelajar yang terpilih menyertai program tersebut terdiri daripada mereka yang mempunyai latar belakang akademik yang sederhana.

Menurut kenyataan itu, program itu memberi peluang kepada pelajar untuk merasai kehidupan sebagai pelajar universiti dan usaha itu diharap mampu menyemarakkan semangat mereka untuk belajar bersungguh-sungguh sehingga layak memasuki universiti kelak.

"Seramai 200 orang pelajar sekolah menengah di seluruh negeri akan menyertai program itu. Sesi pertama program ini akan diadakan pada 2 hingga 4 Mei manakala sesi kedua berlangsung pada 9 hingga 11 Mei depan, '' kata beliau.

(Source : Utusan Malaysia)